



اوتنورميتي مليسيا فهج السلطان عبدالله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH**

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2025**

Semua Dekan/ Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt dan Salam Sejahtara,

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

### **PENETAPAN TARIKH PENGHANTARAN DATA PELAJAR KEPADA JABATAN BENDAHARI BAGI SESI AKADEMIK 2025/2026 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk menerangkan tentang Penetapan Tarikh Penghantaran Data-Data Pelajar Kepada Jabatan Bendahari Bagi Sesi Akademik 2025/2026 di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pengeluaran invois yuran pelajar kanan perlu dikeluarkan sebelum semester bermula bagi membolehkan pelajar membuat semakan invois dalam e-community dan membuat bayaran yuran;
- 2.2 Universiti akan membuat tuntutan yuran daripada penaja pelajar atau pihak-pihak lain yang berkaitan;

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) kali ke 56 Bil.3/2023 pada 22 Disember 2023 meluluskan arahan rasmi melalui Surat Pekeliling Bendahari bagi penetapan tarikh penghantaran data pelajar daripada Fakulti/Jabatan kepada Jabatan Bendahari; dan

2.4 Penghantaran data mengikut tarikh yang ditetapkan hendaklah dipatuhi oleh Fakulti/Jabatan/Pusat.

### 3.0 PENETAPAN TARIKH PENGHANTARAN DATA PELAJAR

3.1 Fakulti/Jabatan hendaklah membuat perancangan yang teliti dan tidak terlepas pandang membuat penghantaran data pelajar mengikut tarikh yang ditetapkan bagi menyeragamkan proses kerja pengeluaran invois pelajar secara teratur dan sistematik;

3.2 Tarikh penghantaran data bagi Semester 1 dan Semester 2 bagi Sesi Akademik 2025/2026 adalah seperti berikut:

Bil	Data Yang Diperlukan	PTJ Terlibat	Tempoh Masa	Sem 1 25/26	Sem 2 25/26	Kaedah Penghantaran
<b>A. Prasiswazah</b>						
1	Senarai nama pelajar prasiswazah menginap di asrama	Asrama, JHEPA	2 minggu sebelum semester bermula	22 Sept 2025	23 Feb 2026	Sistem Pemakluman Ketersediaan data dalam sistem : Emel
2	Senarai nama pelajar prasiswazah menjalani Latihan Industri	Pusat Kerjaya, JHEPA	2 minggu sebelum semester bermula	22 Sept 2025	23 Feb 2026	Emel
3	Senarai nama pelajar prasiswazah mengikuti Work Based Learning (WBL)	1. FTKKP 2. FTKPM 3. FTKEE 4. FTKMA 5. PSM	2 minggu sebelum semester bermula	22 Sept 2025	23 Feb 2026	Borang

4	Senarai nama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	JHEPA	2 minggu sebelum semester bermula atau selepas perantukan baharu	22 Sept 2025	23 Feb 2026	Emel
5	Permohonan pengurangan jam kredit pelajar prasiswazah semester lanjutan	Semua fakulti	Minggu ke 6 kuliah	16 Nov 2025	19 Apr 2026	Sistem
6	Senarai nama pelajar Ulul Albab	PIMPIN	Minggu ke 3 kuliah	26 Okt 2025	29 Mac 2026	Emel
<b>B. Pascasiswazah</b>						
7	Senarai pelajar kanan pascasiswazah yang menukar mod pengajian (Sepenuh masa ke Separuh Masa / Separuh Masa ke sepenuh masa)	Semua fakulti	2 minggu sebelum pendaftaran semester bermula atau 3 hari sebelum tempoh minggu pendaftaran berakhir	22 Sept 2025	23 Feb 2026	Emel
8	Senarai pelajar kanan pascasiswazah yang menginap di asrama (permohonan semula Re-Apply)	Asrama, JHEPA	2 minggu sebelum pendaftaran semester bermula	22 Sept 2025	23 Feb 2026	Sistem Pemakluman Ketersediaan data dalam sistem : Emel
9	Senarai pelajar pascasiswazah yang mengambil/mendaftar Kursus prasyarat/Kursus kompetensi	Semua fakulti	Minggu ke 3 kuliah	26 Okt 2025	29 Mac 2026	Emel

10	Senarai pelajar pascasiswazah mod kerjakursus/mod campuran yang mendaftar kurang dari 5 jam kredit (Pelajar semester akhir)	Semua fakulti	2 minggu sebelum pendaftaran semester bermula	22 Sept 2025	23 Feb 2026	Emel
<b>C. Program Kerjasama</b>						
11	Senarai nama pelajar PUPW	Semua fakulti	Minggu ke 5 kuliah	3 Nov 2025	6 Apr 2026	Emel
12	Senarai nama pelajar Asasi	PSM	Minggu ke 5 kuliah	3 Nov 2025	6 Apr 2026	Emel
13	Senarai nama pelajar yang mengikuti program Ijazah Dual UMPSA (BJTU, TJU, KAZNARU)	Pejabat Pengantarabangsa Dan Kerjasama Akademik	Minggu ke 5 kuliah	3 Nov 2025	6 Apr 2026	Emel
14	Senarai nama pelajar MUSCAT		Minggu ke 6 kuliah	10 Nov 2025	13 Apr 2026	Emel
15	Senarai kursus pengajaran di Ningxia Universiti (Program UMPSA-NXU, China)		Minggu ke 3 kuliah	20 Okt 2025	23 Mac 2026	Emel

3.3 Tarikh penghantaran data pelajar adalah tertakluk juga kepada sebarang Pindaan kepada perubahan Peraturan dan Jadual Akademik dari semasa ke semasa;

3.4 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama Pekeliling Bendahari Bil. 8 Tahun 2024: Penetapan Tarikh Penghantaran Data Pelajar Kepada Jabatan Bendahari Bagi Sesi Akademik 2024/2025 Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah bertarikh 6 September 2024;

3.5 Penghantaran data kepada Jabatan Bendahari adalah samada secara dalam talian atau secara manual mengikut ketersediaan sistem semasa; dan

3.6 Sebarang pertanyaan berkaitan Surat Pekeliling Bendahari ini boleh merujuk kepada Bahagian Akaun Pelajar, Jabatan Bendahari.

#### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN**

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 22 Ogos 2025.

Salinan kepada :

- 1) Naib Canselor
- 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
- 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
- 4) Ketua Pustakawan
- 5) Penasihat Undang-Undang